

08 OCT 2001

LIMA-Satelit

SYARIKAT TEMPATAN MAJUKAN KAMERA SATELIT DAN KENDERAAN ORBIT

LANGKAWI, 8 Okt (Bernama) -- Sebuah syarikat Malaysia akan menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) semasa LIMA 2001 antara lain untuk memajukan kenderaan pemindah orbit dan sebuah kamera satelit ultra-sensitif.

Astronautics Technology (M) Sdn Bhd (ATSB) syarikat milik kerajaan akan menjadi perintis dalam memajukan kenderaan pemindah itu dan belum lagi ada syarikat lain yang mengeluarkan kenderaan seperti itu.

Seorang pegawai ATSB memberitahu Bernama, kenderaan itu yang dikenali sebagai SPORT ataupun Kenderaan Angkasa Lepas Pemindah Orbit Objek Kecil akan dimajukan dan dibina melalui usahasama dengan sebuah firma di Amerika Syarikat, AeroAstro.

"SPORT ialah sebuah kenderaan angkasa lepas yang akan digunakan untuk memindahkan satelit-satelit kecil daripada satu orbit ke orbit lain," kata beliau apabila ditemui di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini, hari ini.

ATSB yang diberi tanggungjawab oleh kerajaan untuk mempelopori teknologi angkasa lepas telah melancarkan dengan jayanya satelit mikro yang pertama bagi Malaysia, Tiungsat-1 ke orbit dari Baikonur, di Kazakhstan tahun lepas.

"SPORT ialah kenderaan pemindah yang fleksibel, kosnya tidak mahal dan boleh dipercayai serta sesuai untuk digunakan bagi melancarkan satelit ke pelbagai orbit," kata pegawai itu.

Beliau berkata, SPORT yang pertama dijangka dilancarkan ke orbit tertentu pada hujung tahun depan, pelancaran kedua pada pertengahan 2003 dan ketiga di akhir 2003.

Menurut pegawai itu, majlis menandatangani MoU itu akan diadakan pada Rabu ini.

Sementara itu projek bagi membangunkan satu kamera satelit yang dikenali sebagai "Medium Aperture Camera" atau MAC, sebuah kamera elektro optikal resolusi tinggi bagi satelit penderiaan jauh telahpun bermula, kata pegawai itu.

"MAC menawarkan penggunaan meluas termasuk dalam pertanian, perhutanan, pemetaan, keselamatan, pengangkutan, kemudahan awam dan pengurusan sumber," dan pegawai itu menambah kata, projek itu akan dijalankan dengan kerjasama syarikat Korea Selatan, SaTReCi Co Ltd.

Satelit yang akan membawa MAC ke orbit dijangka dilancarkan dalam tempoh dua tahun, katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan majlis ulangtahun pertama Tiungsat-1 dilancarkan ke Orbit dari Baikonur pada 11 Okt.

Majlis itu bertema "Tiungsat-1: Dari Permulaan Hingga Pelancaran".

-- BERNAMA

MHI PR